

Amalan patriotisme menerusi kesukarelawan



**MOHD.
MAHZAN
AWANG**

DALAM kancah ketidakstabilan geopolitik rantau Asia Tenggara menerusi konflik di beberapa wilayah adalah cabaran strategik kepada penganjur Sukan SEA di Kuala Lumpur 2017.

Biarpun sukan seharusnya terkecuali daripada kancah konflik politik dunia, sentimen dalam kalangan rakyat dari negara yang berbeza amat perlu diberi perhatian serius. Kita tidak mahu sentimen negatif mencacatkan imej negara pada penganjur Sukan SEA atau juga dikenali sebagai Temasya Kuala Lumpur 2017. Situasi sebeginilah yang menjadi sebahagian dorongan kepada pihak kerajaan untuk membuat perancangan rapi dalam memastikan sukarelawan yang bertugas di temasya sukan itu nanti mempunyai amalan nilai patriotik yang tinggi.

Justeru, satu program perseediaan telah dilakukan oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) menerusi kepakaran di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) untuk melatih sukarelawan kepada ribuan sukarelawan semenjak Disember 2016 lagi.

Menyedari kepentingan amalan nilai patriotik untuk sukarelawan, satu modul khas yang menggabungkan pembelajaran atas talian (MOOC - Massive Open Online Courses) dan latihan semuka telah dilakukan secara bersepadu. Amat perlu disedari bahawa, patriotisme seringkali dijayakan dengan tumpuan yang lebih kepada domain emosi yang menyaksikan pelbagai bentuk sorakan dan perilaku semangat.

Tidak salah untuk sedemikian namun ia bukanlah satu bentuk perilaku yang memberi banyak impak positif kepada imej negara dan kemajuan negara. Hal ini kerana memberi perhatian yang lebih kepada pemupukan semangat patriotisme adakalanya telah membuatkan tingkah laku rakyat mula dirasuki emosi.

Memandangkan persepsi umum kepada patriotisme lebih banyak berasaskan domain emosi, maka latihan tentang amalan nilai patriotik sering kali dilihat sebagai satu bentuk hiburan. Persepsi sebeginilah yang menjadikan pembelajaran berkaitan kenegaraan menjadi hambar dan lesu. Walhal, patriotisme pada hakikatnya satu konsep penting dalam pembangunan negara bangsa. Hal ini kerana kebanggaan menjadi warga bukanlah sekadar satu pernyataan emosi tetapi perlu diterjemahkan dalam

bentuk tindakan.

Maka satu bentuk anjakan paradigma telah dilakukan menerusi modul patriotisme untuk sukarelawan dengan memfokuskan kepada tingkah laku positif serta pengembangan bakat bagi setiap individu. Tidak dinafikan bahawa penghayatan kepada lagu-lagu patriotik amat penting bagi semua rakyat di pelbagai negara, namun dalam konteks kenegaraan, usaha individu yang dipamerkan menerusi tingkah laku seperti rajin, profesional, memiliki kemahiran insaniah yang tinggi serta komited adalah amalan nilai patriotik yang perlu diberi fokus.

Pada masa sama, menjauhkan diri daripada sikap negatif seperti malas, membuat dakwaan melulu, pecah amanah, tidak berdisiplin dan cemburu adalah sikap yang perlu dijauhi kerana ini adalah perosak kepada patriotisme. Kesedaran untuk berubah kepada yang lebih positif dan cemerlang memerlukan persekitaran sosial yang menyokong (supportive socio-environment).

Penyertaan dalam aktiviti kesukarelawan adalah satu platform yang sesuai untuk memupuk amalan nilai patriotisme secara bersama. Sikap untuk membantu tanpa mengharapkan apa-apa upah bayaran atau insentif akan menyuburkan lagi nilai

nilai patriotik dalam diri. Apatah lagi kesukarelawan mengajar individu untuk meletakkan sifat keegoan jauh ke tepi. Pangkat-pangkat sosial tidak dijadikan asas dalam interaksi dalam kalangan kesukarelawan kerana fokus diberikan kepada persoalan berkaitan dengan tindakan lanjut dan bukannya status sosial.

Pada masa sama, pengalaman dan kemahiran setiap individu dapat diaplikasikan dalam kerangka membantu kejayaan aktiviti. PASTinya penganjur Sukan SEA (Temasya Kuala Lumpur 2017) akan lebih berjaya sekiranya pelbagai lapisan masyarakat daripada pelbagai latar belakang profesional melibatkan diri secara sukarela.

Kita ingin sekali melihat perjalanan para atlet dan penonton ketika penganjur Temasya Kuala Lumpur 2017 di Malaysia akan dibantu oleh semua rakyat Malaysia. Kita amat yakin rakyat Malaysia memiliki banyak kelebihan dan kemahiran yang boleh dimanfaatkan secara sukarela demi negara Malaysia yang tercinta. Sederap bersama dalam Temasya Kuala Lumpur 2017.

DR. MOHD. MAHZAN AWANG ialah Ketua Modul Patriotisme Latihan Sukarelawan dan juga Timbalan Ketua di Pusat Kepelbagaian Pelajar & Pembangunan Komuniti, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)



PENYERTAAN dalam aktiviti kesukarelawan adalah satu platform yang sesuai untuk memupuk amalan nilai patriotisme secara bersama. - IHSAN CAMBODIAN MYCORPS